

18/12/2003

Hubungan KL-Brunei ibarat abang-adik

Ridzuan Yop

KUNJUNGAN Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke Brunei Darussalam sebagai memenuhi jemputan Sultan Brunei bagi menghadiri sambutan Aidilfitri di Istana Nurul Iman Ahad lalu, mengeratkan lagi hubungan akrab kedua-dua negara.

Ini adalah lawatan rasmi pertama Abdullah ke luar negara sejak dilantik sebagai Perdana Menteri selepas mengambil tugas itu daripada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad 31 Oktober lalu.

Lawatan itu yang turut disertai sembilan Menteri Kabinet juga adalah yang ketiga bagi Abdullah dalam tempoh lima bulan ke Brunei iaitu pada Julai dan September lalu.

Keakraban hubungan Malaysia-Brunei melampaui setakat hubungan serumpun tetapi atas dasar kepentingan bersama dan persefahaman yang banyak memberi keuntungan kepada kedua-dua pihak.

Abdullah dalam ucapannya pada majlis jamuan teh Aidilfitri bersama rakyat Malaysia di Brunei, meminta pihak Suruhanjaya Tinggi Malaysia di negara itu meningkatkan lagi kegiatan sosial yang dianjurkan dengan turut membabitkan rakyat Brunei.

Bagi Abdullah hubungan antara kedua-dua negara tidak semestinya hanya di peringkat antara kerajaan dan kerajaan atau pegawai tertinggi, tetapi perlu diperluas di peringkat rakyat antara kedua-dua negara.

"Apabila hubungan sampai ke peringkat rakyat dengan rakyat, barulah hubungan dua hala kedua-dua negara benar-benar bererti.

"Kita tidak harus berhubung ketika berkongsi niaga atau menjalin usaha sama saja, tetapi diperluas dalam pelbagai kegiatan di peringkat rakyat," katanya.

Abdullah mahu kegiatan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Tinggi atau persatuan rakyat Malaysia dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Brunei tidak hanya membabitkan rakyat Malaysia saja tetapi juga rakyat negara itu.

"Rakyat Brunei adalah tuan rumah dan kita wajar membabitkan mereka dalam pelbagai program yang kita anjurkan kerana ia sebenarnya memberi banyak manfaat," katanya.

Ketika ini ada seramai 35,000 rakyat Malaysia di Brunei sama ada yang menjalankan perniagaan, berkerja dalam pelbagai sektor dan belajar.

Jumlah itu menjadikan Brunei sebagai negara paling ramai didiami oleh rakyat Malaysia, berbanding negara lain di dunia.

Brunei yang diperintah oleh Sultan Hassanal Bolkiah ketika ini mempunyai penduduk melebihi 330,000 orang dan dua pertiga daripadanya adalah Melayu beragama Islam.

Dengan keluasan 5,765 kilometer persegi, ia bersempadan dengan Malaysia di bahagian Limbang, Sarawak yang kini menjadi tuntutan bertindih antara Malaysia dan Brunei.

Bagi Abdullah, banyak perkara dapat diselesaikan jika semua peringkat hubungan antara kedua-dua negara dapat diuruskan dengan baik.

Isu yang berbangkit antara Malaysia dan Brunei seperti isu Limbang dan pergerakan rakyat di sempadan antara kedua-dua negara dapat diselesaikan lebih mudah melalui persefahaman yang wujud ketika ini.

Limbang di utara Sarawak, yang lokasinya diapit di antara daerah Brunei-Muara dan Daerah Temburong (ke arah Sabah) adalah antara kawasan yang sering dipersoalkan setiap kali masalah sempadan Malaysia-Brunei dibangkitkan.

Tuntutan bertindih daerah Limbang berbangkit sejak berpuluh tahun lalu. Limbang seluas 3,978 kilometer persegi dan didiami penduduk Melayu, Lun Bawang, Cina, Kedayan, Iban, Bisaya, Kelabit, Tagal dan Penan.

Limbang menjadi sebahagian Sarawak ketika pemerintahan Charles Brooke

pada 1890. Apabila Sarawak mencapai kemerdekaan dan menjadi sebahagian Malaysia pada 1963, Limbang kekal sebagai sebahagian negeri itu.

Brunei dibahagi kepada empat daerah termasuk daerah Tutong dan Belait. Bandar Seri Begawan terletak dalam daerah Brunei-Muara.

Dari Bandar Seri Begawan ke bandar Limbang cuma 30 minit menggunakan bot laju, lebih dekat dari bandar Bangar dan Labu di daerah Temburong.

Apapun antara Malaysia dan Brunei tidak pernah berhasrat membawa tuntutan ke atas Limbang kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) sebagai jalan penyelesaian.

Abdullah sendiri percaya masalah itu dapat diselesaikan secara baik melalui perundingan dengan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

Abdullah dalam pertemuan empat mata dengan Sultan Hassanah Bolkiah di Istana Nurul Iman, menjelaskan bahawa Malaysia dan Brunei sepakat untuk memastikan apa juga perkara yang timbul dapat diselesaikan dalam situasi menang-menang.

Malaysia dan Brunei sepakat untuk menguruskan hubungan antara kedua-dua negara berdasarkan usaha yang dapat memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

Dalam pertemuan itu, perbincangan bertumpu kepada bagaimana mahu mengurus hubungan kedua-dua negara dalam situasi yang lebih baik tanpa menjejaskan hubungan dua hala berikutan beberapa perkara yang berbangkit.

Prinsip utama yang diharapkan baginda Sultan Brunei iaitu biarlah kedua-dua pihak menikmati hubungan yang wujud berasaskan faedah bersama.

"Kami mengambil keputusan untuk bekerjasama dalam beberapa perkara termasuk keperluan mendapatkan khidmat kepakaran yang ada di kedua-dua negara.

"Jika Brunei memerlukan kepakaran tertentu dan ia ada di pihak Malaysia, Brunei boleh mendapat dan menggunakan," kata Abdullah.

Bagi mengeratkan lagi kerjasama Malaysia dan Brunei akan juga bertukar maklumat mengenai kurikulum pendidikan agama, perundingan, penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan program latihan lain.

Komitmen Abdullah untuk menyelesaikan apa juga masalah dengan negara jiran dapat dilihat dalam kenyataannya di Tokyo baru-baru ini ketika menghadiri Sidang Kemuncak Kenang-Kenangan Asean-Jepun ke-30.

"Jika ada pun masalah yang kita perlu selesaikan dengan seberapa segera kita boleh menggunakan telefon untuk membincangkannya dan tidak payah menunggu lama jika menggunakan saluran diplomatik," kata Perdana Menteri.